

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN (KOTA KINABALU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pemantauan terhadap pelancaran peluru berpandu balistik DF21D pada 30 Jun 2019 ke Laut China Selatan. Apakah pendirian Malaysia berkenaan perlancaran peluru berpandu balistik DF21D tersebut, dan adakah radar ATM menangkap pelancaran ini.

**JAWAPAN**

Pelancaran peluru berpandu balistik DF21D pada 30 Jun 2019 di selatan Vietnam, Laut China Selatan adalah di luar kawasan perairan Malaysia. Pengoperasian radar ATM adalah berfokus kepada perairan Malaysia sahaja, justeru dengan itu ianya tidak akan mengesan penembakan peluru berpandu tersebut.

Secara umumnya Malaysia menolak sebarang penggunaan senjata pemusnah yang berupaya membawa bahan letupan nuklear selaras dengan Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) di bawah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), dimana Malaysia menjadi ahlinya. Ini merupakan komitmen Malaysia dalam menyokong usaha-usaha untuk mencapai keamanan sejagat serta Konsep Kawasan Aman, Bebas & Berkecuali (ZOPFAN) di rantau Asia Tenggara.